

Wanita lebih aktif berniaga: PM

BH 7 JAN 1994

Oleh Faizal Fadzil

KUALA LUMPUR, Khamis — Wanita Bumiputera harus mengekalkan budaya niaga yang wujud dalam diri mereka di samping berusaha menyesuaikan bidang perniagaan yang disertai dengan alam pasaran moden, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, adalah menjadi budaya di kalangan Bumiputera di negara ini, wanita bergerak lebih aktif daripada lelaki dalam perniagaan dan perusahaan.

"Di mana-mana juga kita lihat wanita Melayu umpamanya sibuk berniaga, kadang-kadang dari rumah ke rumah menjaja barang kemas dan kain baju dan kadang-kadang menjual pelbagai barangan di pasar.

"Budaya ini memang baik dan harus diteruskan. Hanya yang diperlukan sekarang ialah penyesuaian dengan alam pasaran moden," katanya ketika berucap di Majlis

Anugerah Usahawan Wanita Harapan 1993 anjuran Peniagawati, di sini malam ini. Turut hadir ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Empat pemenang anugerah itu ialah pemilik Farmasi Dew Ma Sdn Bhd, Rosenah Mohamed; pemilik Sipro Plastic Industries Sdn Bhd, Noraini Soltan; pemilik Sweet Touch Ceramic; Rohana Abdul Rahman; dan pemilik bersama The Body Shop, Mariam Tan Sri Sulaiman.

Dr Mahathir berkata, wanita mempunyai ciri-ciri yang sesuai untuk berjaya dalam bidang perniagaan.

"Umumnya, wanita lebih berdisiplin dan cermat dalam pengurusan wang. Ini adalah hasil budaya tempatan yang memungkinkan wanita lebih berjaya.

"Sesiapa saja boleh berniaga asalkan sanggup melengkapkan diri de-

ngan ilmu dan maklumat yang diperlukan. Soal bangsa dan keturunan tidak ada kena mengena melainkan dari segi budaya," katanya.

Katanya, penyertaan wanita dalam dunia perniagaan penting dalam memastikan negara menikmati pembangunan yang berterusan.

"Jika diambil kira kualiti tertentu pada wanita yang boleh menolong kemajuan negara, pengasingan wanita daripada dunia perniagaan dan perusahaan boleh menghalang kelancaran pembangunan," katanya.

Bagaimanapun, katanya, pendapat moden bahawa wanita mesti menceburi semua bidang kerja yang dijalankan oleh lelaki untuk mencapai persamaan, tidak penting dan tidak boleh diterima.

"Memang ada kerja di mana wanita mempunyai kebolehan istimewa tetapi ada juga kerja yang tidak sesuai untuk wanita.

"Ada juga bidang yang selama ini dikuasai lelaki seperti kejuruteraan, boleh disertai wanita untuk membantu mengisi tenaga kerja dalam bidang ini. Tetapi langkah ini tidaklah sehingga mencapai tahap di mana bidang yang khusus bagi wanita ditinggalkan," katanya.

Katanya, umat Islam juga tidak boleh mengabaikan tenaga wanita dalam usaha melindungi dan memulihkan Islam.

Perdana Menteri juga menganggap usaha Peniagawati membuka badan perhubungan di setiap negeri yang bertindak menyalur maklumat dan membuka peluang bagi ahlinya berinteraksi sebagai satu langkah bijak.

Dr Mahathir berkata kejayaan Peniagawati bergabung dengan Women's World Entrepreneur Association yang dianggotai lebih 30 negara di seluruh dunia mencerminkan keupayaan dan taraf pencapaiannya.